

PUCUNG RIMAU
Malayan Night Heron

FAMILI: Ardeidae
NAMA SAINTIFIK: *Gorsachius melanolophus*

CIRI-CIRI

Individu dewasa mempunyai bahagian atas badan yang berwarna coklat bercampur hitam. Bahagian atas kepala berwarna hitam dengan jambul yang panjang. Pada bahagian tengah tekak dan tengkuk, terdapat jalur hitam yang halus. Bahagian perut berwarna hitam dan muncungnya pendek. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa adalah antara 48.0-51.0 sm.

MAKANAN

Spesies ini biasanya mencari makan pada waktu malam. Pada waktu siang, biasanya ia berehat pada pokok-pokok di tepi sungai. Dietnya terdiri daripada pelbagai hidupan akuatik termasuklah ikan, amfibia, krustasia, invertebrata, mamalia kecil dan anak burung.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di kawasan yang berpaya dan anak sungai di hutan malar, hutan daun luruh bercampur, paya air tawar, huan sekunder dan hutan buluh sehingga 1, 220 m dari aras laut.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi yang mengandungi 10 hingga 11 nota *oo* yang bertindak sebagai penandaan kawasan. Bunyi ini biasanya kedengaran di antara waktu senja hingga subuh.

PEMBIAKAN

Individu betina boleh menghasilkan 3-5 biji telur berwarna putih kebiruan. Sarangnya berbentuk seperti platform yang dibina pada pokok, 5-8 meter dari tanah.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.